

Merangsang B40 pada 2016

BERITA mengenai ganjaran untuk kumpulan 40 terbawah (B40) telah heboh berbulan-bulan lamanya sebelum pengumuman Bajet 2016. Kumpulan ini menjadi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), dan pengumuman Bajet baru-baru ini, sebagai fasa pertama rancangan, sememangnya sangat dinanti-nantikan.

Lima tahun sahaja lagi untuk mencapai Wawasan 2020, sasaran negara ini untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi. Kira-kira 11.7 juta rakyat Malaysia adalah dalam kumpulan B40 dengan pendapatan isi rumah bulanan yang perlu dinaikkan daripada RM2,500 sebulan kepada RM5,000 sebulan menjelang 2020. Ini secara automatiknya akan meningkatkan kumpulan itu daripada kelompok B40 menjadi berpendapatan menengah.

Apakah faedah-faedahnya?

Di bawah keutamaan pertama dalam Bajet, Mengurangkan Kos Kehidupan Rakyat disenaraikan sebagai langkah sulung yang dijanjikan oleh kerajaan bagi meningkatkan kualiti kehidupan isi rumah B40 di negara ini. Bagi membantu kumpulan ini dapat bertahan dalam tempoh jangka panjang, banyak peruntukan telah diadakan untuk membantu mereka memulakan perniagaan sendiri menerusi TEKUN, KOJADI dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Peruntukan juga dibuat untuk meningkatkan kemahiran penduduk di pedalaman menerusi Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya selain menerusi institusi latihan kemahiran swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan atau berkecimpung ke bidang keusahawanan.

Bidang-bidang lain yang turut diliputi merangkumi mengganjakan bilangan jenama ubat-ubat dan bahan makanan dalam senarai kadar sifar cukai barang dan perkhidmatan (GST). Klinik 1Malaysia juga akan dibina di kawasan pedalaman di negara ini.

Kerajaan juga telah memutuskan untuk meneruskan pemberian BR1M dengan pe-

RANDAU INDUSTRI



Lee Ching Wei

runtukan sebanyak RM5.9 bilion tahun depan. Pemberian tersebut dalam lingkungan serendah RM400 hingga RM1,050. Namun, BR1M mungkin tidak membantu banyak kerana pertambahan hanya RM50 hingga RM100, peruntukan ini sepatutnya dibelanjakan untuk meningkatkan usaha menambah kemahiran mereka dalam jangka panjang.

Soalan paling hangat ialah, apakah ia akan benar-benar mengurangkan beban daripada kos kehidupan yang melantun tinggi untuk 40 peratus terendah masyarakat?

Ia adalah penting untuk memperkasa B40 dengan pengetahuan kewangan tentang penjimatan dan meningkatkan pendapatan mereka. Kegagalan berbuat demikian, kumpulan rakyat tersebut mungkin dapat dinaikkan ke paras pendapatan seterusnya, tetapi mereka akan menderita sama sahaja disebabkan rendahnya pengetahuan tentang soal kewangan.

Punca permasalahan

Mewujudkan dan mengekalkan kekayaan adalah lebih sekadar daripada pendapatan, tetapi juga mengenai penjimatan dan pelaburan. Untuk memastikan isi rumah B40 menyertai kumpulan berpendapatan menengah dan berupaya bertahan dari segi kewangan, pengurusan kewangan adalah bahagian terpenting dalam hal ini.

Terdapat beberapa perkara yang akan menukar secara drastik isi rumah berpendapatan menengah:

1. Tiada lagi pemberian BR1M.

Isi rumah berpendapatan menengah di atas RM4,000 tidak lagi layak mendapat BR1M.

2. Cukai pendapatan.

Mereka perlu membayar cukai pendapatan jika pendapatan layak dicukai adalah di atas RM5,000. Ini boleh mengambil bahagian besar dalam pendapa-

tan tahunan mereka.

3. Perumahan tidak mampu milik.

Mereka tidak akan layak untuk membeli rumah murah. Oleh itu, penjimatan lebih banyak diperlukan untuk mereka mampu membeli rumah pertama.

4. Kekeliruan produk perbankan.

Mereka akan dikemukakan dengan pelbagai produk perbankan, yang tanpa pengurusan dan perancangan teratur, akan membawa masalah lebih besar kepada mereka. Perbandingan teliti produk-produk kewangan seperti kad kredit, pinjaman perumahan, pinjaman peribadi dan deposit tetap hendaklah dilakukan bagi mengelak melakukan kesilapan mahal yang akan menjerumuskan mereka kembali ke dalam kumpulan B40.

Adalah penting untuk kerajaan mempersiapkan B40 terhadap empat isu ini yang dihadapi oleh setiap individu berpendapatan menengah. Mereka perlu bukan sahaja mempelajari kemahiran yang akan membawa mereka ke dalam tenaga kerja tetapi juga memperkasa pengetahuan kewangan mereka untuk mengekalkan dan meningkatkan kewangan.

Sebagai bajet pertama di bawah RMK-11, kerajaan telah mengambil banyak langkah betul dalam meningkatkan kehidupan kumpulan B40. Namun, perjalanan masih jauh untuk membina negara yang mampu berdikari dan memastikan B40 tidak bergantung selamanya kepada pemberian kerajaan.

Pandangan yang dinyatakan di sini adalah pandangan iMoney. Ditubuhkan pada 2012, iMoney.my telah muncul sebagai pencetus dalam kewangan persendirian di Malaysia, kini adalah laman web peneraju bagi perbandingan kewangan di negara ini. Tegas kepada penyampaian maklumat kewangan tanpa menggunakan jargon, iMoney percaya bahawa setiap orang seharusnya mendapat maklumat secukupnya sebelum membuat sebarang keputusan kewangan.

PENULIS adalah Pengasas Bersama & Ketua Pegawai Eksekutif iMoney